

Langkah tepat

Keputusan Shahrizat bercuti memudahkan siasatan SPRM

>>Oleh **FUAD HADINATA**
YAACOB

hadinata@hmetro.com.my

PARIT BUNTAR: “Keputusan cuti (Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil) tepat untuk membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan.

“Dia (Shahrizat) beritahu sanggup disiasat dan apa yang berlaku kemudian tertakluk kepada hasil siasatan itu.”

Itu reaksi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengenai keputusan Shahrizat yang mengambil cuti tiga minggu daripada menjalankan tugas sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, mulai kelmarin.

Beliau berkata, melalui ca-

ra itu pihak berkuasa boleh melakukan siasatan, termasuk terhadap Shahrizat, sama ada terbabit atau tidak dengan isu Perbadanan Fidlot Nasional (NFC).

“Saya sudah berbincang dengan Shahrizat dan keputusan untuk ambil cuti itu tepat bagi membolehkan siasatan dijalankan dengan rapi,” katanya ditemui selepas merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2011 di Padang Bandaran, di sini, semalam.

Shahrizat berdepan isu Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) diterajui suaminya, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh selepas Laporan Ketua Audit Negara 2010 pada Oktober lalu menyatakan NFC gagal memenuhi matlamat penubuhannya.

Beberapa pemimpin pembangkang secara terbuka tu-

“Saya sudah berbincang dengan Shahrizat dan keputusan untuk ambil cuti itu tepat bagi membolehkan siasatan dijalankan dengan rapi

>Datuk Seri Najib Razak

rut mendesak Shahrizat meletak jawatan kerana mendakwa terbabit dalam penyelewengan operasi pusat ternakan lembu itu.

Shahrizat yang juga Ketua Wanita Umno dalam satu kenyataan Khamis lalu, mengumumkan untuk memohon cuti rehat selama tiga minggu daripada menjalankan tugas menteri, sekali gus membolehkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan mengenai NFC yang dikaitkan dengan diri dan keluarganya.

Perdana Menteri berkata, beliau menyerahkan kepada timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar untuk mengkaji jalan penyelesaian terbaik terhadap isu NFC.

“Saya serahkan kepada kedua-duanya untuk kaji penyelesaian terbaik, ketika ini siasatan masih berjalan,” katanya.